

Ucapan : ADHO
571
190/80

UCAPAN YB DATUK HUSSEIN ONN, MENTERI
PELAJARAN MALAYSIA, DI UPACARA PEM-
BUKAAN RESMI KURSUS PENTADBIRAN PEN-
DIDIKAN DAN PENGURUSAN MODEN BAGI
GURU-GURU BESAR SEKOLAH RENDAH DI DEWAN
SEKOLAH ALAM SHAH, JALAN CHERAS, KUALA
LUMPUR, PADA 2HB APRIL, 1973 JAM 10.15 PAGI

1.2 juta dan bilangan guru 42,023 orang.
Pada tahun 1972 bilangan sekolah rendah
dan menengah bertambah menjadi 5,126 buah,
bilangan murid menjadi 2.05 juta dan bilangan
guru meningkat kepada 42,778 orang. Peningkatan
negara juga turut bertambah ting-ting tahun
karena mangahkan kemudahan-kemudahan pelajaran
kepada murid-murid, sekolah-sekolah dan guru-
guru yang bertambah itu.

Hari ini kita berkumpul di sini dengan tujuan hendak melancarkan lagi satu rancangan untuk kemajuan pelajaran. Perkembangan pelajaran di negara kita sedang berjalan dengan amat pesat. Banyak sekolah baru yang dibuka, banyak pula yang sedang dibena, dan banyak lagi sedang dirancangkan. Dalam tahun 1960 bilangan sekolah rendah dan menengah di Malaysia Barat berjumlah 4,676 buah, bilangan murid 1.2 juta dan bilangan guru 42,025 orang. Pada tahun 1972 bilangan sekolah rendah dan menengah bertambah menjadi 5,126 buah, bilangan murid menjadi 2.05 juta dan bilangan guru meningkat kepada 62,728 orang. Perbelanjaan negara juga turut bertambah tiap-tiap tahun kerana mengadakan kemudahan-kemudahan pelajaran kepada murid-murid, sekolah-sekolah dan guru-guru yang bertambah itu.

2. Kerajaan negeri ini memberi priority yang utama kepada rancangan-rancangan pelajaran. Untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan, kita telah mendapat sebanyak \$843,520,789 iaitu 18.2% daripada belanjawan negara tahun 1973 ini. Kementerian Pelajaran tidak akan membazirkan peruntukan berjuta-juta ringgit yang diamanahkan kepadanya. Ia mahukan hasil-hasil yang seimbang dengan perbelanjaan yang dikeluarkan. Dengan perkataan lain Kementerian Pelajaran mahukan pelajaran yang bermutu atau 'quality education' diberi kepada kanak-kanak sekolah supaya mereka ini dapat menyesuaikan diri dengan kehendak-kehendak negara yang sedang berazam menyusun semula masyarakat dan mengimbangkan kedudukan ekonomi dan sosial antara kaum di negara ini.

3. Tetapi dengan bertambahnya bilangan murid dan dengan adanya beberapa perubahan dalam bidang pelajaran, maka masalah yang berkaitan pun tidak dapat dielakkan seperti sekolah-sekolah yang tidak mempunyai cukup bilik darjah dan adanya murid yang terpaksa belajar di sebelah petang. Ada kalanya sebuah bangunan digunakan oleh dua buah sekolah, sebuah menggunakannya di sebelah pagi dan sebuah lagi di sebelah petang. Setengah-setengah sekolah pula menjadi terlalu ramai muridnya dan banyak juga sekolah yang terlalu kecil bilangan muridnya sehinggakan terpaksa di adakan kelas-kelas cantuman; iaitu seorang guru mengajar dua atau tiga kelas dalam satu bilik. Hal hal ini menjadikan tugas-tugas pentadbir sekolah terutama pengelola dan guru-guru besar

akan menjadi paling rumit. Tetapi kesulitan-kesulitan ini tidak akan berkekalan.

4. Peranan guru-guru besar dalam sistem pelajaran kita adalah penting. Maju mundurnya sesebuah sekolah itu amatlah bergantung kepada kecekapan mereka menjalankan tugas masing-masing. Guru-guru besar tidak patut diharapkan mempelajari semua segi pentadbiran secara 'trial and error' sahaja iaitu mengagak-agak dan mencuba tanpa sebarang panduan yang penting daripada pihak-pihak yang tertentu. Kita memerlukan pentadbir-pentadbir yang berpengetahuan supaya sekolah-sekolah ^{tidak} dijadikan sasaran percubaan. Kita berkehendakkan guru-guru besar yang dinamis, progressif dan mempunyai imajinasi.

5. ~~Koloh~~ Kursus Pentadbiran Pendidikan dan Pengurusan Moden ini adalah untuk guru-guru besar dan pengelola-pengelola sekolah. Pada tahun 1972 yang lalu, bilangan guru-guru besar di sekolah rendah dan menengah Kerajaan berjumlah seramai 5,126 orang, terdiri daripada 4,342 guru besar sekolah rendah dan 784 orang guru besar sekolah menengah. ~~Selama 3 tahun~~ Selama 3 tahun berturut-turut mulai tahun 1973 ini Kementerian Pelajaran akan menjalankan kursus untuk seramai 4,754 guru besar dari sekolah rendah, menengah dan juga pengelola-pengelola sekolah. Pada penghujung tahun 1975 kelak hampir semua guru-guru besar dan pengelola-pengelola sekolah akan menghaziri kursus ini. Pada tahun 1973 ini sahaja 600 orang guru besar sekolah rendah,

sekolah menengah dan pengelola-pengelola
sekolah telah dipilih untuk berkursus.

Pada tiap-tiap cuti penggal sekolah, seramai
200 orang peserta akan mengikuti kursus
selama 12 hari. Pada tahun 1974 dan 1975
kursus ini akan dijalankan di peringkat
pusat dan juga di peringkat daerah.

6. Kursus Pentadbiran Pendidikan dan Pengurusan Moden untuk guru-guru besar ini adalah kursus yang ulung pernah diadakan secara teratur dan menyeluruh. Pada masa-masa yang lalu, Kementerian Pelajaran telah menghantar guru-guru besar dan bakal guru-guru besar ke Pusat Latihan Luar Negeri seperti di Pusat Innotech di Singapura, di Yayasan Pentadbiran dan Perancang Pelajaran di New Delhi dan Great Britain. Di samping itu ada juga guru-guru besar dan guru-guru biasa dihantar mengikuti Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Moden di Institut Tadbiran Awam Negara di Kuala Lumpur dan mengikuti Kursus Diploma Pentadbiran Awam serta Sarjana Pendidikan di universiti-universiti luar dan dalam negeri.

Beberapa persidangan dan seminar telah diadakan dari masa ke semasa supaya guru-guru besar berhadapan dengan masalah-masalah seperti perubahan baru dalam bidang pelajaran, ubahcipta (innovation), teknologi pendidikan dan perkembangan-perkembangan terbaharu dalam pentadbiran dan pengurusan sekolah.


Kita akan dapat pentadbir sekolah-sekolah mereka dengan lebih berkesan lagi.

7. Tetapi bilangan guru-guru besar yang dapat peluang mengikuti kursus-kursus dan seminar ini sangatlah terhad, pada hal masaalah-masaalah dalam pentadbiran sekolah kian bertambah sehari demi sehari. Dengan adanya kursus seperti yang dijalankan ^{dalam} dari tahun 1973, 1974 dan 1975, saya yakin bahawa guru-guru besar kita akan dapat mentadbir sekolah-sekolah mereka dengan lebih berkesan lagi.

8. Di dalam kursus-kursus yang diadakan, saya berharap benar supaya guru-guru besar mendapat panduan yang sungguh berguna dan ada kaitan dengan masalah-masalah mereka di sekolah. Saya diberitahu bahawa peserta-peserta kursus ini akan membincangkan semua hal-hal yang penting berhubung dengan pentadbiran sekolah. Selain daripada membincangkan hal-hal urusan harian di pejabat, perhatian akan diberikan juga kepada cara-cara mengatur rancangan sekolah, menyusun kerja-kerja (organising), mengatur kakitangan (staffing), mengarah (directing), menyelaraskan kerja-kerja (coordinating), menyemak semula (reviewing) dan merangka perbelanjaan tahunan (budgetting). Perkara-perkara berhubung dengan perhubungan

antara manusia atau 'human relations' adalah juga sangat penting. Saya berharap juga guru-guru besar dalam kursus ini dapat berpeluang membincangkan masalah perhubungan antara guru besar dan guru-gurunya, guru sesama guru, dan guru besar dengan masyarakat. Saya percaya guru-guru besar akan dapat juga peluang membincangkan Buku Panduan Guru Besar yang disusun oleh Kementerian ini. Adalah diharapkan juga guru-guru besar akan dapat membuat teguran dan cadangan-cadangan yang berguna lagi membena kepada rangka Buku Panduan yang diberi kepada peserta semua supaya sebuah Buku Panduan yang baik dan lengkap untuk guru besar dapat diterbitkan kelak oleh Kementerian ini.

9. Akhir sekali, inilah saya mengucapkan tahniah kepada sekalian yang telah bekerjasama untuk menguruskan kursus ini. Dengan ini saya dengan sukacita meresmikan kursus ini.



Arbitrasi, inilah saya
menyampaikan terhadap kepada sekalian yang
telah bekerjasama untuk menguruskan kursus
ini. Dengan ini saya dengan sukacita
menyetujui kursus ini.



No Siri	536
No Penerimaan	181/80